

## Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

*The Level of Proficiency in Reading and Writing by B40 Students  
in Malay Language*

Zamri Mahamod  
d-zam@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Rohaida Mazalan  
rohaidahconvent2013@gmail.com

Sektor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Malaysia

Norziah Amin  
cahayazie1965@gmail.com  
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Kajang, Selangor, Malaysia

Mohd Zaki Abd. Rahman  
zakippdhl@gmail.com  
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Kajang, Selangor, Malaysia

**Received:** 02 April 2021; **Accepted:** 20 May 2021; **Published:** 31 May 2021

**To cite this article (APA):** Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>

### ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid daripada keluarga B40. Kajian kes ini djalankan di dua buah sekolah menengah kebangsaan yang dikenal pasti ramai murid B40 yang tidak tahu dan kurang lancar membaca dan menulis di daerah Hulu Langat, Selangor. Seramai 16 murid B40 tingkatan 1, iaitu 7 orang murid B40 kaum Cina, 4 orang murid B40 kaum India dan 5 orang murid B40 kaum Melayu dipilih sebagai peserta kajian. Seramai 8 orang murid B40 belajar di SMKA dan 8 orang murid B40 lagi belajar di SMKB. Temu bual berstruktur digunakan sebagai instrumen kajian. Data temu bual dianalisis secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua murid B40 kaum Cina, India dan Melayu ini mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang sangat terhad dan terhad. Murid B40 Cina paling lemah kemahiran membaca dan menulis. Jika tahu menulis, mereka tidak tahu perkara yang ditulis. Murid B40 India pula, kemahiran membaca dan menulis mereka lebih baik daripada murid Cina walaupun ada dalam kalangan mereka tidak faham perkara yang dibaca dan ditulis. Bagi murid B40 Melayu pula, tahap penguasaan membaca dan menulis jauh lebih baik daripada murid B40 Cina dan India. Kesimpulannya, guru Bahasa Melayu, ibu bapa dan juga murid perlu bekerjasama menangani masalah kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 ini.

**Kata Kunci:** Kemahiran membaca, kemahiran menulis, murid B40, pembelajaran Bahasa Melayu

## ABSTRACT

This qualitative study aims to explore the level of mastery of reading and writing skills among students from the B40 family. This case study was conducted in two national secondary schools which identified many B40 students who did not know and did not read and write fluently in the district of Hulu Langat, Selangor. A total of 16 students B40 levels 1, 7 Chinese B40 students, 4 Indian B40 students and 5 Malay B40 students selected as participants. A total of 8 B40 students study at SMKA and 8 B40 students study at SMKB. Structured interviews were used as research instruments. Interview data were analyzed narratively. The results showed that all students B40 Chinese, Indians and Malays have a level of reading and writing is very limited and restricted. Chinese B40 students have the weakest reading and writing skills. If they know how to write, they do not know what is written. Indian B40 students, on the other hand, have better reading and writing skills than Chinese students even though some of them do not understand what is read and written. Malay B40 students, the level of mastery of reading and writing is much better than students B40 China and India. In conclusion, Malay Language teachers, parents and students need to work together to solve the problem reading and writing skills students B40.

**Keywords:** Reading skills, writing skills, B40 students, Malay Language learning

## PENGENALAN

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu mempunyai matlamat untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Bagi memenuhi matlamat tersebut, kurikulum Bahasa Melayu telah digubal untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi serta memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Berdasarkan objektif Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) (KPM 2019) Bahasa Melayu bagi kemahiran membaca murid-murid diharapkan dapat membaca dan menggunakan pelbagai strategi dan teknik bacaan untuk memahami, menaakul, menganalisis dan menilai maklumat bahan prosa, puisi dan grafik dengan kritis, reflektif, betul dan tepat. Selain itu, murid juga diharapkan bukan sahaja dapat meningkatkan kelancaran bacaan, meluaskan perbendaharaan kata, pengetahuan dan pemikiran, serta mengukuhkan penghayatan terhadap bahan sastera dan bukan sastera malah dapat membaca, memahami dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan, peribahasa dan bahasa kiasan dalam komunikasi dan penulisan dengan betul dan kreatif.

Berdasarkan objektif DSKP Bahasa Melayu bagi kemahiran menulis pula murid-murid juga diharapkan mampu untuk menulis untuk melengkapkan, menerangkan, meringkaskan, merumus, mengolah, mengulas dan mengedit maklumat daripada pelbagai sumber. Seterusnya, mereka juga mampu untuk menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik untuk melahirkan idea dengan tersusun menggunakan bahasa dengan betul, gramatis dan menarik. Oleh itu, tahap penguasaan membaca dan menulis murid sekolah menengah daripada keluarga B40 dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu perlu dikaji.

## PENYATAAN MASALAH

Isu tentang keluarga berpendapatan bawah RM3,860.00 merupakan isu yang menjadi fokus kerajaan masa kini. Hampir 40% penduduk Malaysia terdiri daripada golongan isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah pendapatan garis kemiskinan (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017). Oleh kerana kumpulan/keluarga B40 ini rata-rata adalah keluarga berpendapatan rendah, maka faktor kemiskinan ini turut memberi kesan negatif kepada isi keluarga B40 tersebut, terutamanya pada anak-anak mereka dalam aspek tempat tinggal, makan minum, pakaian dan sebagainya, termasuklah dari aspek pendidikan. Keluarga/ibu bapa B40 ini kebanyakannya mereka tidak ada pendidikan/kurang pendidikan/berpendidikan sehingga sekolah menengah sahaja. Kehidupan seharian mereka sibuk mencari rezeki sehingga sesetengah daripada mereka mengabaikan kebajikan anak-anak dari segi

pendidikan. Mereka/keluarga B40 ini banyak menyerahkan anak-anak mereka kepada pihak sekolah dan guru untuk mendidik anak-anak mereka. Kajian yang dijalankan oleh Nor Hamizah (2016) mendapati faktor sosioekonomi kumpulan/keluarga B40 yang rendah menyebabkan kumpulan/keluarga B40 ini tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk anak-anak mereka seperti insurans hayat/pendidikan, pendidikan yang berkualiti dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan langsung kepada anak-anak dalam pembelajaran seperti lemah dalam pelajaran, masih lemah/gagal untuk membaca dan menulis dengan baik.

Masalah ekonomi antara punca yang dikenal pasti kumpulan/keluarga B40 tidak dapat menyediakan pendidikan yang baik untuk anak-anak mereka seperti tuisyen dan pembelian bahan-bahan bantu pelajaran. Kajian Nazri (2004) dan Rohaida et al. (2020) mengesahkan bahawa faktor ekonomi antara faktor yang menyumbang kepada tahap pendidikan seseorang. Semua pendapatan ibu bapa lebih kepada untuk menyara isi keluarga dan pembayaran pelbagai bil demi kelangsungan kehidupan. Akibatnya, ibu bapa B40 tidak memberi perhatian kepada anak-anak mereka, termasuk dalam soal pendidikan. Ibu bapa B40 lebih mengutamakan aspek ekonomi berbanding faktor pendidikan anak-anak mereka (Nor Hamizah 2016, Rohaida et al. 2020). Kajian oleh Zarina et al. (2018) mendapati kebanyakan ibu bapa daripada keluarga B40 lebih mengutamakan aspek ekonomi berbanding aspek-aspek seperti pendidikan dan kebaikan anak-anak mereka. Akibatnya, anak-anak mereka terabai di rumah. Ibu bapa tidak mengambil berat sama ada anak-anak mereka sudah boleh membaca atau menulis ataupun tidak. Kajian yang dijalankan oleh Celinea dan Zamri (2018) dalam kalangan murid etnik Bidayuh, mendapati hampir 75% murid Bidayuh ini masih kurang memuaskan tahap kemahiran membaca mereka. Oleh kerana kebanyakan murid Bidayuh ini berasal daripada keluarga B40, maka dapat dikatakan bahawa masalah membaca merupakan satu masalah utama dalam kalangan murid daripada keluarga B40. Tamam et al. (2011), Abdul Rasid (2011), dan Celinea (2018) berpendapat bahawa kebanyakan murid yang mengalami masalah pembacaan dan terjejas pencapaian akademik mereka berasal daripada keluarga berpendapatan rendah yang tidak ada kesedaran akan kepentingan membaca.

Demikian juga dalam aspek kemahiran menulis. Murid-murid daripada keluarga B40 juga rata-rata menghadapi masalah dalam kemahiran menulis. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), Abdul Rasid et al. (2012), Abdul Rasid (2012), Yahya dan Dk. Suzanawaty (2014) menunjukkan murid-murid sekolah rendah masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis yang baik. Kebanyakan murid yang dikaji ialah murid luar bandar dan daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh kerana pencapaian kemahiran menulis yang kurang memuaskan dan tahap sederhana, maka masalah ini secara langsung mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Abdul Rasid (2011), masalah menulis yang dihadapi oleh murid luar bandar ini banyak mempengaruhi pencapaian murid dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Kajian berkaitan tahap penguasaan membaca dan menulis murid sekolah menengah dalam kalangan keluarga kumpulan B40 dan masalah yang dihadapi oleh mereka kurang dikaji. Jika ada ialah kajian yang dijalankan oleh Rohaida et al. (2020) yang melihat daripada perspektif guru Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu serta masalah yang dihadapi oleh murid lebih bersifat umum seperti kajian yang dijalankan oleh Tamam et al. (2011), Abdul Rasid (2011), Celinea (2018) dan lain-lain. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana murid-murid daripada keluarga B40 kaum Melayu, Cina dan India tentang tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis daripada perspektif murid B40 tersebut.

## OBJEKTIF KAJIAN

Penguasaan kemahiran membaca dan menulis merupakan antara elemen penting dalam KSSM Bahasa Melayu. Matlamat KSSM Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meneroka dan menganalisis tahap penguasaan kemahiran membaca murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu.
2. Meneroka dan menganalisis tahap penguasaan kemahiran menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## **PENGUASAAN, TAFSIRAN UMUM KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENULIS**

Tahap penguasaan murid dalam kemahiran membaca adalah diukur secara berterusan oleh guru semasa mengajar melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan kebolehan dan kemajuan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilapor oleh guru yang mengajar. Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki iaitu tahap penguasaan sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual dan lain-lain yang sesuai. Guru perlu menggunakan pertimbangan profesional dalam mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi bagi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Standard prestasi merupakan suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. Bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran membaca, guru perlu memahami tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran membaca seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran membaca

<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
<b>1 Sangat Terhad</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap sangat terhad</b> .
<b>2 Terhad</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap terhad</b> .
<b>3 Memuaskan</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap memuaskan</b> .
<b>4 Baik</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap kukuh</b> .
<b>5 Sangat Baik</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap tekal dan terperinci</b> .
<b>6 cemerlang</b>	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada <b>tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan</b> .

Sumber: KPM (2019)

Seterusnya, bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran menulis, guru perlu memahami tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran menulis seperti yang diuraikan dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran menulis

<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
<b>1 Sangat Terhad</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap sangat terhad</b> .

<b>2 Terhad</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap terhad</b> .
<b>3 Memuaskan</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap memuaskan</b> .
<b>4 Baik</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap kukuh</b> .
<b>5 Sangat Baik</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap tekal terperinci</b> .
<b>6 cemerlang</b>	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada <b>tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan</b> .

Sumber: KPM (2019)

## KAJIAN LEPAS BERKAITAN MURID KELUARGA B40 DAN KELUARGA MISKIN DI MALAYSIA

Sistem pendidikan sekolah di Malaysia kian bertambah maju. Pelbagai transformasi pendidikan diperkenalkan dan dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang berkualiti. Pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) jelas membuktikan komitmen dan kesungguhan KPM dalam meningkatkan kualiti pendidikan dalam semua aspek pendidikan. Dalam memastikan semua pelan dan anjakan yang dirancang dalam PPPM 2013-2025 tersebut dilaksanakan dengan efektif, maka aspek akses, kualiti, ekuiti, dan kecekapan pendidikan dijadikan yang sebahagian dasar dalam menjayakan PPPM 2013-2025 ini.

Akses pendidikan antara lain merujuk kepada kesamarataaan akses pendidikan yang perlu dicapai oleh semua rakyat Malaysia, termasuk murid-murid daripada keluarga B40. Menurut Zamri dan Anita (2020), kesamarataaan akses pendidikan dapat memastikan PPPM 2013-2025 yang dibina dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2025. Dalam konteks kajian ini, kesamarataaan akses pendidikan perlu dicapai dan dialami oleh murid-murid keluarga B40. Mereka berhak mendapat pendidikan berkualiti walaupun adalah sebahagian daripada mereka tidak boleh membaca dan menulis.

Demikian juga dengan ekuiti dan kualiti pendidikan. Persoalannya ialah adakah murid-murid dari keluarga B40 ini berjaya mendapat akses, kualiti dan ekuiti pendidikan? Menurut Mohd Nazri (2014), kebanyakan murid yang bersekolah rendah mahupun menengah tergolong dalam kumpulan B40. Ibu bapa boleh dikategorikan sebagai kumpulan berpendapatan rendah dan dikategorikan sebagai miskin. Kebanyakan mereka tinggal di luar bandar. Mereka tidak mendapat pendidikan berkualiti dan tidak ada usaha untuk memastikan semua murid B40 ini tidak ketinggalan dalam akademik. Terdapat banyak punca yang menyebabkan murid-murid B40 terus terbelakang dalam akademik. Yang paling utama ialah faktor kewangan ibu bapa menyebabkan ibu bapa B40 tidak dapat menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka seperti bahan pembelajaran, kelas tuisyen, dan lain-lain.

Kajian yang dijalankan oleh KPM (2016a) terhadap pendidikan murid kumpulan B40 mendapati hampir dua pertiga murid B40 berpencapaian rendah akademik mereka. Pencapaian yang rendah murid-murid B40 termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian, sikap, motivasi dan tingkah laku murid-murid keluarga B40. Menurut Usang (2012), murid-murid berpencapaian rendah sering kali merujuk kepada murid yang tidak berusaha untuk meningkatkan pencapaian akademik, tidak menumpukan perhatian di dalam kelas, tidak menunjukkan minat terhadap proses pembelajaran, lupa atau tidak berusaha untuk menyiapkan kerja rumah, tidak mendengar kata guru, berselisihan faham dengan guru dan tidak terlibat secara total dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Mereka juga tidak mempunyai budaya belajar dan kebanyakan mereka tinggal di luar bandar dan datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Kajian yang dijalankan oleh KPM (2011) juga mendapati pihak pentadbir dan guru sekolah adalah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian murid, termasuk dalam kalangan murid B40. Kajian Mohamad Johdi et al. (2012) mendapati guru adalah faktor utama mempengaruhi pencapaian akademik murid dalam Penilaian Menengah Rendah. Kajian yang dijalankan di Sabah tersebut juga

mendapati status sosioekonomi ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa dan rakan turut menyumbang kepada pencapaian akademik murid. Hal ini bermakna jika pentadbir sekolah dan guru dapat meningkatkan kualiti pendidikan, kemudahan pembelajaran dan akses pendidikan pendidikan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian murid. Dengan kata lain, kualiti pendidikan di sekolah boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid, termasuk dalam kalangan murid B40.

Kesimpulannya, murid-murid keluarga B40 memerlukan sokongan banyak pihak untuk berjaya dalam pelajaran. Tanpa mengira batas kaum, jantina dan kenegerian, masalah pendidikan dan pencapaian rendah akademik murid-murid B40 perlu ditangani dan diatasi segera. Murid-murid B40 memerlukan sokongan guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa dan rakan sebaya untuk berjaya dalam pelajaran. Kualiti, ekuiti, akses dan kecekapan pendidikan di sekolah perlu ditingkatkan agar semua murid termasuk murid berpencapaian rendah dan murid B40 dapat mencapai dan memperolehnya dengan baik, sama seperti yang diperoleh oleh murid kumpulan M40 dan pendatang tinggi serta murid yang berpencapaian tinggi.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes, iaitu kajian satu kes pelbagai tempat (*single case multiple site*) (Yin 2012; Creswell 2008). Penjelasan reka bentuk kajian ini adalah seperti berikut:

1. Satu kes: Merujuk kepada kes murid tidak tahu atau kurang lancar membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu oleh murid-murid daripada keluarga B40. Murid-murid ini ialah murid-murid tingkatan 1 yang dikenal pasti di dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di dalam daerah Hulu Langat.
2. Pelbagai tempat: Merujuk lokasi sekolah yang menjadi tempat pengumpulan data kajian. Justeru, penyelidik telah mengenal pasti dua buah SMK yang ramai murid daripada keluarga B40 yang tidak tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Dua buah sekolah ini dikenal pasti dengan bantuan SISC+ dari Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat (PPD Hulu Langat), Kajang, Selangor.

### Kajian Kes

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kualitatif. Dalam kajian ini, kajian kes dilakukan di pelbagai tempat bagi mengetahui punca dan masalah yang menyebabkan murid-murid daripada keluarga B40 ini tidak boleh membaca dan menulis. Kajian kes ini menggunakan kaedah satu kes pelbagai tempat kerana kajian ini melibatkan lebih daripada sebuah sekolah (Yin 2012; Merriam 2001). Dalam kajian ini, kes yang dikaji ialah masalah membaca dan menulis Bahasa Melayu. Pelbagai tempat pula merujuk kepada dua buah SMK di daerah Hulu Langat yang dikenal pasti ramai murid pelbagai kaum daripada keluarga B40 yang tidak tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

### Peserta Kajian

Peserta kajian dalam kajian kes ini terdiri daripada murid-murid dari keluarga B40 yang tidak tahu dan kurang lancar membaca. Murid-murid B40 ini sedang belajar di tingkatan 1. Murid-murid ini dipilih secara rawak mudah dengan bantuan guru Bahasa Melayu dan melalui ujian saringan. Jumlah murid yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 3. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah murid keluarga B40 yang tidak tahu membaca dan menulis di SMKA bagi murid B40 kaum Cina seramai 4 orang dan murid B40 kaum India seramai 4 orang. Tidak ada murid B40 kaum Melayu yang tidak tahu membaca dan menulis. Sementara di SMKB pula, jumlah murid keluarga B40 yang ditemui bual ialah 8 orang, iaitu 5 orang murid B40 kaum Melayu dan 3 orang murid B40 kaum Cina. Tidak ada murid India B40 yang tidak boleh membaca dan menulis di SMKB. Keseluruhannya, seramai 16 orang murid yang tidak tahu atau kurang lancar membaca dan menulis keluarga B40 dijadikan peserta kajian.

**Jadual 3.** Jumlah murid tingkatan 1 daripada keluarga B40 yang tidak tahu/ membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu

Kategori Sekolah	Melayu	Kaum Murid		Jumlah Murid
		Cina	India	
SMKA	-	4	4	8
SMKB	5	3	-	8
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>16</b>

### Instrumen Kajian

Kajian kes satu kes pelbagai tempat ini menggunakan data temu bual sebagai data utama, dan Ujian Membaca dan Ujian Menulis sebagai data sokongan.

1. Soalan Temu Bual: Temu bual merupakan data utama dalam kajian ini. Temu bual berstruktur ini dijalankan terhadap murid tingkatan 1 daripada keluarga B40 yang mempunyai masalah kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Soalan berkaitan dengan: (i) latar belakang murid B40, (ii) bagaimana murid mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu, (iii) bagaimana murid membina keyakinan menggunakan Bahasa Melayu, dan (iv) dan bagaimana murid membina pembangunan kendiri dan pembelajaran.
2. Ujian Membaca: Ujian membaca digunakan untuk mengetahui tahap membaca murid-murid daripada keluarga B40 yang tidak tahu membaca, bahan teks membaca disediakan untuk menguji tahap kebolehbacaan murid-murid ini ketika membaca petikan dalam Bahasa Melayu. Teks bacaan bertajuk: *Remaja dan Kebersihan Diri* (rujuk Lampiran A) ini digunakan untuk mengetahui sama ada murid-murid keluarga B40 tersebut sememangnya tidak boleh membaca atau mereka menghadapi masalah membaca. Selepas membaca teks bacaan tersebut, murid-murid minta menjawab soalan pemahaman. Tujuan menjawab soalan pemahaman tersebut adalah untuk: (i) mengenal pasti tahap pemahaman kemahiran membaca murid-murid tersebut, dan (ii) mengetahui sama ada murid tahu ataupun tidak apa yang dibaca tersebut. Sebanyak tiga soalan perlu dijawab oleh murid-murid daripada keluarga B40 ini setelah membaca teks bacaan tersebut. Dengan menjawab tiga soalan tersebut, penyelidik dapat mengetahui tahap penguasaan pemahaman murid berdasarkan skala pemahaman dan skala bacaan yang dirujuk daripada KPM (2019) yang boleh ditunjukkan pada Jadual 1.
3. Ujian Menulis: Ujian bertulis sama seperti ujian membaca. Ujian bertulis diuji kepada murid yang tidak tahu atau menghadapi masalah membaca. Ujian bertulis diberikan selepas mereka diuji dengan ujian membaca. Murid-murid diminta menulis satu karangan pendek yang dengan jumlah perkataan antara 50 hingga 80 patah perkataan. Tajuk karangan pendek tersebut ialah: *Aku Sepasang Kasut Sekolah* (rujuk Lampiran B). Bagi membantu murid-murid ini menulis dengan mudah, penyelidik telah menyediakan kerangka isi karangan bagi memudahkan murid-murid menulis. Skala ujian bertulis adalah berdasarkan skala dibangunkan oleh KPM (2019) seperti pada Jadual 2.

### Tatacara Analisis Data

Penganalisisan data merupakan proses untuk mengemas, menstrukturkan dan memberi makna kepada data yang dikumpul (Creswell 2008; Merriam 2001). Oleh itu, data yang diperoleh dapat diselenggarakan bagi tujuan untuk disimpan, digunakan atau pun diketepikan jika tidak memenuhi kehendak soalan. Dalam kajian ini, penganalisisan data bermula sejak peringkat awal lagi, iaitu bermula daripada pemerhatian pertama. Proses penganalisisan data berlaku secara berterusan bagi setiap teknik pengumpulan data yang digunakan. Penganalisisan data secara berterusan ini bertujuan melancarkan dan memudahkan proses pengumpulan data. Keadaan data yang diurus secara tersusun membantu proses penganalisisan keseluruhan data.

Tatacara penganalisisan data melibatkan beberapa peringkat. Marshall dan Rossman (2006) menjelaskan peringkat tersebut terdiri daripada menguruskan data, membentuk kategori, tema dan bentuk, mengekod data, mengesahkan dan seterusnya menulis laporan. Ary et al. (2006) pula

mencadangkan beberapa langkah iaitu menganalisis kebiasaan data dengan membaca berulang kali, menghimpunkan data, mengenal pasti kategori dan pembentukan tema, melaksanakan proses pengekodan, penyemakan semula kod, kategori, tema atau sub tema, pengesahan data secara semakan rakan, membuat ringkasan berbentuk pohon tema, mentafsir data dan menulis laporan. Dalam kajian ini, tatacara penganalisisan data dilakukan secara manual. Data temu bual dianalisis secara manual berdasarkan panduan yang diberikan oleh Marshall dan Rossman (2006).

### **Triangulasi Data**

Penggunaan kaedah triangulasi dapat membantu menangani sebarang masalah yang timbul dalam kesahan kerana masalah tersebut boleh dikenal pasti atau dikesan lebih awal. Malah kualiti kesahan melalui kaedah ini diyakini lebih tinggi daripada penggunaan hanya satu alat kajian sahaja (Heilbronn 2004). Dua jenis triangulasi dilakukan dalam kajian ini iaitu triangulasi kaedah pengumpulan data dan tringulasi analisis data. Tiga kaedah pemerolehan data digunakan (temu bual, ujian membaca dan ujian bertulis) dapat menyediakan pelbagai bukti terhadap masalah yang dikaji. Triangulasi daripada tiga sumber maklumat yang berbeza ini digunakan untuk membentuk kategori atau tema dalam kajian. Proses secara menentukan tema dibuat secara manual berdasarkan soalan temu bual terhadap peserta kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Murid B40**

Dalam kajian ini, seramai 16 orang murid tingkatan 1 dari dua sekolah menengah kebangsaan di dalam daerah Hulu Langat dijadikan peserta kajian. Seramai 8 orang murid dari SMKA dan 8 orang murid dari SMKB. Kesemua 16 murid tersebut dikenal pasti oleh guru Bahasa Melayu mengajar mereka yang tidak boleh membaca dan menulis. Kesemua murid ini pula datang daripada keluarga B40, iaitu ibu bapa mereka berpendapatan rendah bawah RM3500 ribu sebulan pendapatan isi rumah.

Hasil temu bual kesemua 16 orang murid B40 di SMKA dan SMKB tersebut, profil diri kesemua peserta kajian murid (PKM) dapat dirincikan dalam Jadual 4.2. Berdasarkan Jadual 4.2, majoriti murid B4 yang tidak boleh membaca ialah murid lelaki, iaitu 15 orang, manakala hanya 1 orang sahaja murid perempuan B40 yang tidak boleh membaca di kedua-dua lokasi kajian. Hal ini bermakna yang bermasalah membaca dan menulis ialah murid lelaki berbanding murid perempuan. Murid B40 kaum Melayu seramai 5 orang, diikuti murid B40 kaum Cina seramai 7 orang dan murid B40 kaum India seramai 4 orang.

Kebanyakan mereka mempunyai adik-beradik antara 3 hingga 5 orang. Seramai 12 daripada 16 orang tinggal bersama ibu bapa. Hanya 2 orang tinggal dengan ibu atau bapa (ibu bapa bercerai), 1 orang duduk dengan nenek/datuk dan 1 orang tinggal di Pusat Kebajikan Anak Yatim. Majoriti mereka pergi ke sekolah sama ada diantar oleh ibu bapa ataupun menaiki bas/van. Apa yang memerlukan ialah separuh daripada murid B40 ini menghadapi masalah disiplin di sekolah. Ketika ditemu bual, PKM mengakui mereka mempunyai masalah disiplin serta diakui atau disahkan oleh guru Bahasa Melayu (PKG) yang ditemu bual. Dengan kata lain, kesemua 16 orang murid B40 ini mempunyai latar belakang diri yang berbeza antara satu sama lain.

**Jadual 4.** Perincian profil diri peserta kajian murid

Bil	Profil Diri PKM	Peserta Kajian Murid (PKM)															Jum	
		SMK A								SMK B								
		01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	16	
1	Jantina:																	
	• Lelaki	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	15	
	• Perempuan			/													1	
2	Bangsa:									/	/	/	/					
	• Melayu									/	/	/	/				5	

Bil	Profil Diri PKM	Peserta Kajian Murid (PKM)																Jum	
		SMK A								SMK B									
		01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	16		
	• Cina	/	/	/	/										/	/	/	7	
	• India						/	/	/									4	
3	Tempat tinggal:																		
	• Sungai Chua	/			/			/	/									4	
	• Bandar Kajang							/	/									2	
	• Saujana Impian			/	/													2	
	• Sungai Lalang									/	/							3	
	• Kg Pasir											/						1	
	• Pekan Semenyih												/	/				2	
	• Kg Batu 4														/			1	
	• Kajang Prima														/			1	
4	Bilangan adik-beradik:																		
	• 0-2 orang	/	/						/							/		4	
	• 3-5 orang			/	/				/	/	/				/	/	/	10	
	• 6-8 orang								/									2	
5	Tinggal bersama:																		
	• Ibu bapa	/	/	/				/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	12	
	• Ibu atau bapa				/										/			2	
	• Datuk / nenek															/		1	
	• Ibu/ bapa saudara																	0	
	• Adik-beradik																	0	
	• Rumah anak yatim/ pusat jagaan							/										1	
6	Pengangkutan ke sekolah:																		
	• Di hantar oleh ibu bapa/ penjaga	/	/	/	/				/							/		6	
	• Menaiki bas/ van sekolah							/	/			/	/	/	/	/		9	
	• Menaiki kenderaan awam																	0	
	• Menaiki basikal																	0	
	• Menaiki motorsikal																	0	
	• Berjalan kaki															/		1	
7	Jarak ke sekolah (km):																		
	• 1-2 km					/									/		/	3	
	• 3-6 km	/	/			/				/					/	/		6	
	• 5-6 km					/	/	/										3	
	• 7-8 km									/	/	/						4	
8	Terlibat masalah disiplin:																		
	• Ya							/			/	/	/	/	/			8	
	• Tidak	/	/	/	/	/										/		8	
9	Mendapatkan perkhidmatan kaunseling:																		
	• Ya							/		/								3	
	• Tidak	/	/	/	/	/												13	

### Tahap Penguasaan dan Pemahaman Kemahiran Membaca Murid B40

Bagi mengetahui tahap penguasaan dan pemahaman kemahiran membaca murid B40 ini, temu bual telah dijalankan. Soalan yang diajukan ialah: *Apakah masalah yang dihadapi oleh murid-murid keluarga B40 dalam kemahiran membaca?* Melalui temu bual terhadap 16 orang murid B40 ini, didapati murid B40 Cina yang lemah penguasaan dan kemahiran membaca berbanding murid B40 Melayu dan India. Kebanyakan berpunca daripada sikap murid. Kesemua tujuh murid B40 Cina tidak

menggemari Bahasa Melayu. Dua daripada lima murid B40 Melayu tidak suka belajar Bahasa Melayu. Antara punca yang dikenal pasti ialah mereka tidak suka Bahasa Melayu, kurang berminat belajar Bahasa Melayu dan menganggap Bahasa Melayu susah untuk difahami, jarang membaca bahan dalam Bahasa Melayu, bosan dengan pengajaran guru dan sebagainya seperti yang dinyatakan dalam temu bual berikut:

### Transkripsi murid B40 Cina

**Sepanjang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya tidak suka belajar mata pelajaran Bahasa Melayu. **Mengapa anda tidak menggemari?** Saya tidak suka mata pelajaran ini sebab saya tidak boleh Bahasa Melayu dengan baik dan lancar. Sekiranya saya boleh bercakap Bahasa Melayu mungkin saya akan menggemari bahasa ini sedikit. **Adakah anda selesa bercakap dalam Bahasa Melayu?** Saya sangat tidak selesa bercakap Bahasa Melayu. (PKM02/TB/Baris 1-6)

**Sepanjang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya kurang minat mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding mata pelajaran Bahasa Cina. **Mengapa anda tidak menggemari?** Mata pelajaran BM ini susah hendak difahami dan saya tidak pandai bercakap dalam Bahasa Melayu. (PKM03/TB/Baris 1-5)

**Jika ada, berapa kerap anda membaca bahan-bahan tersebut?** Saya jarang membaca bahan bacaan BM di rumah. Saya hanya baca apabila cikgu suruh buat kerja. **Semasa menonton televisyen siaran mana yang menjadi pilihan anda?** Saya banyak tengok siaran cina tetapi rangkaian berbahasa melayu saya tonton filem Melayu, saya suka cerita hantu. **Semasa menggunakan media sosial bahasa apakah yang anda gunakan?** Saya selalu menggunakan Bahasa Cina semasa berkomunikasi dengan rakan menerusi media sosial. (PKM13/TB/Baris 26-31)

### Transkrip murid B40 Melayu

**Sepanjang belajar mata pelajaran bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya tidak begitu menggemari mata pelajaran Bahasa Melayu. **Mengapa anda tidak menggemari?** Saya tidak suka mata pelajaran BM kerana susah dan saya tidak suka menulis karangan sebab saya tiada idea untuk menulis. (PKM10/TB/Baris 1-4)

**Sepanjang belajar mata pelajaran bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya tidak menggemari mata pelajaran Bahasa Melayu. **Mengapa anda menggemari?** Saya tidak suka mata pelajaran BM kerana susah terutamanya semasa menulis karangan. Saya juga kurang suka menjawab soalan berbentuk pemahaman kerana saya tidak mahir. (PKM11/TB/Baris 1-5)

Hal ini berbeza kepada murid B40 India. Kesemua empat murid B40 India suka belajar Bahasa Melayu. Walaupun penguasaan membaca sangat terhad dan lemah, tetapi mereka masih berminat untuk belajar Bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan dalam temu bual berikut:

### Transkrip murid B40 India

**Sepanjang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu. **Mengapa anda menggemari?** Sebab hari-hari saya cakap Bahasa Melayu di sekolah. (PKM05/TB/Baruis 1-3)

**Sepanjang belajar mata pelajaran Bahasa Melayu, adakah anda menggemari mata pelajaran ini?**  
Saya menggemari mata pelajaran Bahasa Melayu. **Mengapa anda menggemari?** Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu kerana mudah untuk saya faham semasa membaca dan menonton televisyen. (PKM06/TB/Baris 1-4)

Bagi Ujian Membaca telah dijalankan terhadap semua peserta kajian dari SMKA dan SMKB. Kesemua 16 peserta kajian murid ini membaca petikan yang disediakan bertajuk: *Remaja dan Kebersihan Diri* (rujuk Lampiran A). Penyelidik telah menjalankan Ujian Membaca dengan cara:

1. Memanggil peserta kajian murid secara bergilir-gilir untuk membaca petikan tersebut. Keseluruhannya, seramai 16 orang murid B40 yang tidak tahu membaca dan menulis dari SMKA dan SMKB menjadi peserta kajian.
2. Setiap peserta kajian dipecahkan kepada tiga kumpulan mengikut tiga orang penyelidik.
3. Ujian membaca ini dibuat bagi menguji sejauh mana tahap penguasaan dan pemahaman membaca berdasarkan teks yang diberikan.
4. Daripada pembacaan peserta kajian murid tersebut, penyelidik telah meletakkan skala 1 hingga 6 berdasarkan KPM (2019) sebagai panduan.

Jadual 5 dan 6 menunjukkan skala tahap penguasaan dan pemahaman kemahiran membaca murid-murid keluarga B40 yang tidak tahu membaca atau kurang lancar membaca berdasarkan petikan yang diberikan. Berdasarkan Jadual 5, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca PKM B40 adalah sangat terhad. Melalui Ujian Membaca yang dijalankan semasa kajian lapangan terhadap kesemua PKM, seramai 9 orang PKM B40 mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca, 4 orang PKM mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca tahap terhad dan hanya 3 orang PKM yang mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca tahap memuaskan.

Rumusannya, murid-murid B40 ini secara keseluruhannya masih lemah tahap penguasaan membaca mereka. Akibat lemah tahap penguasaan kemahiran membaca ini telah menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran membaca dengan baik.

**Jadual 5.** Tahap penguasaan kemahiran membaca murid B40

Sekolah Kajian	Peserta Kajian	Skala Penguasaan Kemahiran Membaca					
		1 Sangat Terhad	2 Terhad	3 Memuaskan	4 Baik	5 Sangat Baik	6 Cemerlang
SMKA	PKM01-Cina		/				
	PKM02-Cina	/					
	PKM03-Cina		/				
	PKM04-Cina	/					
	PKM05-India	/					
	PKM06-India	/					
	PKM07-India	/					
	PKM08-India			/			
SMKB	PKM09-Melayu	/					
	PKM10-Melayu			/			
	PKM11-Melayu			/			
	PKM12-Melayu	/					
	PKM13-Cina	/					
	PKM14-Cina	/					
	PKM15-Cina		/				
	PKM16-Melayu		/				
<b>Jumlah</b>		9	4	3	0	0	0

Jadual 6 membincangkan tahap pemahaman kemahiran membaca yang diuji kepada PKM ketika mereka mengambil Ujian Membaca. Teks pemahaman Ujian Membaca tersebut ialah 10 markah. Murid diminta menjawab soalan pemahaman selepas membaca teks Ujian Membaca tersebut. Hasil Ujian Membaca tersebut, seramai 10 orang PKM mendapat 0 markah. Mereka tidak tahu membaca dan tidak tahu apa yang dibaca. Kesannya, ketika diminta menjawab soalan pemahaman berdasarkan teks *Remaja dan Kebersihan Diri*, mereka tidak dapat menjawab dan akhirnya mendapat 0 markah lantaran tidak memahami apa yang dibaca.

Namun demikian, terdapat 2 orang PKM B40 yang mendapat markah 6 per 10 daripada Ujian Pemahaman yang dibuat. PKM 10 dan PKM11 memahami apa yang dibaca dan seterusnya dapat menjawab soalan pemahaman berdasarkan teks Ujian Bacaan yang diberikan. Demikian juga PKM 08 yang memperoleh 5 markah serta PKM03 dan PKM07 yang memperoleh markah 4 per 10 daripada

Ujian Pemahaman yang diberikan. Berdasarkan Ujian Membaca (Pemahaman) tersebut, dapat dirumuskan bahawa:

1. Ramai murid B40 yang tidak memahami apa yang dibaca berdasarkan Ujian Pemahaman yang diberikan.
2. Tahap pemahaman mereka sangat terhad dan terhad sehingga menyebabkan mereka tidak dapat menjawab Ujian Membaca (Pemahaman) Bahasa Melayu dengan baik.
3. Kebanyakan mereka terdiri daripada murid bukan Melayu, terutamanya murid B40 Cina dan murid B40 India.
4. Masalah membaca ini mengukuhkan kenyataan bahawa kebanyakan murid yang tidak boleh membaca atau kurang lancar/fasih membaca datang daripada keluarga B40.

**Jadual 6.** Tahap pemahaman kemahiran membaca murid B40

Sekolah Kajian	Peserta Kajian	Skala Pemahaman Kemahiran Membaca (Jumlah Markah)						Jumlah (10 markah)
		1 Sangat Terhad	2 Terhad	3 Memuaskan	4 Baik	5 Sangat Baik	6 Cemerlang	
SMKA	PKM01	/						0
	PKM02	/						0
	PKM03		/					4
	PKM04	/						0
	PKM05	/						0
	PKM06	/						2
	PKM07			/				4
	PKM08			/				5
SMKB	PKM09	/						2
	PKM10			/				6
	PKM11			/				6
	PKM12	/						3
	PKM13	/						0
	PKM14	/						0
	PKM15		/					2
	PKM16	/						1
<b>Jumlah</b>		10	2	4	0	0	0	

### Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Murid B40

Melalui temu bual dengan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini, kebanyakan mereka mengakui bahawa tahap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu mereka amat lemah. Hal ini banyak berpunca daripada sikap mereka yang lebih suka menyalin apa-apa sahaja yang guru berikan, tidak suka guru beri banyak latihan, tidak suka guru panggil ke depan untuk tulis latihan, lebih suka guru yang tulis latihan, dan sebagainya. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan penguasaan kemahiran menulis mereka. Temu bual berikut adalah kesan langsung yang menyebabkan murid-murid ini tidak boleh menulis dengan baik.

#### Murid B40 kaum Melayu

*Pada pendapat anda, bagaimakah cara pengajaran bahasa Melayu yang anda mahukan? Saya suka sekiranya guru memberikan soalan seperti peperiksaan semasa mengajar. Saya lebih gemar sekiranya guru bercakap di hadapan dan memberi saya latihan. Saya tidak suka sekiranya guru membuat aktiviti berkumpulan kerana keadaan kelas akan menjadi bising. (PKM09/TB/Baris 40-44)*

*Pada pendapat anda, bagaimakah cara pengajaran bahasa Melayu yang anda mahukan? Saya suka sekiranya guru memberikan latihan bertulis sahaja, tidak suka jika cikgu panggil ke depan ataupun buat aktiviti panggil ke depan. Saya suka cikgu yang tidak suka marah-marah. (PKM16/TB/Baris 37-40)*

### Murid B40 kaum Cina

*Pada pendapat anda, bagaimakah cara pengajaran bahasa Melayu yang anda mahukan? Saya lebih gemar sekiranya guru bercakap dan menulis di hadapan kelas kerana dengan cara begitu saya lebih mudah faham. (PKM03/TB/Baris 33-36)*

*Pada pendapat anda, bagaimakah cara pengajaran bahasa Melayu yang anda mahukan? Saya suka sekiranya guru yang mengajar tidak suka marah-marah dan memberikan latihan yang sedikit, tidak suka kerja yang terlalu banyak. (PKM15/TB/Baris 34-36)*

### Murid B40 kaum India

*Pada pendapat anda, bagaimakah cara pengajaran bahasa Melayu yang anda mahukan? Saya lebih gemar sekiranya guru bercakap di hadapan dan memberi saya latihan. (PKM06/TB/Baris 31-33)*

Bagi Ujian Menulis pula, ujian bertulis diberikan selepas mereka diuji dengan Ujian Membaca. Murid-murid diminta menulis satu karangan pendek yang dengan jumlah perkataan antara 50 hingga 80 patah perkataan. Tajuk karangan pendek tersebut ialah: *Aku Sepasang Kasut Sekolah*.

Jadual 7 membincangkan tahap penguasaan kemahiran menulis murid-murid keluarga B40. Melalui Ujian Menulis yang diberikan, 13 orang PKM mempunyai tahap kemahiran menulis sangat terhad. Sangat terhad dalam konteks ini ialah 13 PKM B40 ini tidak tahu menulis Bahasa Melayu dan kebanyakan mereka terdiri murid B40 kaum Cina dan India. Seramai 1 orang PKM, iaitu PKM08 mempunyai kemahiran menulis tahap terhad, manakala 2 orang PKM (PKM03 dan PKM10) yang mempunyai kemahiran menulis memuaskan.

Data tahap kemahiran menulis PKM B40 ini diperoleh melalui Ujian Menulis yang dilakukan. Melalui Ujian Menulis dengan markah 15 markah tersebut, didapati hanya PKM03 dan PKM10 yang mendapat markah 6 per 15. Hal ini bertepatan dengan tahap kemahiran menulis mereka, iaitu tahap memuaskan. 14 orang PKM lagi memperoleh markah antara 4 hingga 1 markah per 15 markah. Hal ini membuktikan bahawa kesemua murid B40 yang menjadi peserta kajian ini sememangnya murid-murid yang lemah kemahiran menulis. Tahap penguasaan kemahiran menulis mereka berada pada tahap sangat terhad dan terhad. Akibat kelemahan dalam kemahiran menulis ini menyebabkan mereka tidak menulis dengan baik apabila diberikan Ujian Menulis karangan bertajuk *Aku Sepasang Kasut Sekolah* (rujuk Lampiran G). Berdasarkan dapatan, dapat dirumuskan bahawa:

1. Hampir 81 peratus atau 13 orang murid B40 tidak dapat menulis atau sangat terhad kemahiran menulis Bahasa Melayu.
2. Tahap kemahiran menulis mereka sangat terhad dan terhad.
3. Kebanyakan murid B40 Cina dan murid B40 India menghadapi masalah dalam menulis Bahasa Melayu.

**Jadual 7.** Tahap penguasaan kemahiran menulis murid B40

Sekolah Kajian	Peserta Kajian Murid (PKM)	Skala Penguasaan Kemahiran Menulis						Jumlah (15 markah)
		1 Sangat Terhad	2 Terhad	3 Memuaskan	4 Baik	5 Sangat Baik	6 Cemerlang	
SMKA	PKM01	/						2
	PKM02	/						2
	PKM03			/				6
	PKM04	/						1
	PKM05	/						2
	PKM06	/						3
	PKM07	/						3
	PKM08		/					4
	PKM09	/						3

Sekolah Kajian	Peserta Kajian Murid (PKM)	Skala Penguasaan Kemahiran Menulis						Jumlah (15 markah)
		1 Sangat Terhad	2 Terhad	3 Memuaskan	4 Baik	5 Sangat Baik	6 Cemerlang	
SMKB	PKM10			/				6
	PKM11	/						2
	PKM12	/						2
	PKM13	/						2
	PKM14	/						2
	PKM15	/						2
	PKM16	/						1
<b>Jumlah</b>		13	1	2	0	0	0	

## PERBINCANGAN

Membaca dan menulis merupakan dua kemahiran yang dapat menentukan sama ada seseorang itu boleh membaca dan menulis dengan baik ataupun tidak. Hal ini tidak sama dengan kemahiran lisan (mendengar dan bertutur). Kemahiran lisan tidak boleh mengukur seseorang itu sudah menguasai kemahiran membaca dan menulis ataupun tidak. Oleh yang demikian, kemahiran membaca dan menulis perlu dikuasai, di samping kemahiran lisan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kemahiran membaca dan menulis penting dikuasai oleh setiap murid. Tanpa mengira jantina, kaum dan tahap kognitif murid, kemahiran membaca dan menulis dapat menentukan sama ada murid tersebut dapat memperoleh pencapaian Bahasa Melayu yang baik ataupun tidak. Hal ini kerana kemahiran membaca dapat membantu murid memahami apa yang dibaca dengan baik. Dengan pemahaman yang baik apa yang dibaca, murid akan dapat menulis dengan baik tentang apa yang dibaca tersebut. Dengan kata lain, kemahiran membaca dan menulis saling berkaitan. Tanpa memahami apa yang dibaca, sudah tentu seseorang itu tidak dapat menulis dengan baik apa yang dibaca tersebut.

### Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Murid B40 Kaum Melayu, Cina dan India

Kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan lancar perlu ditangani dengan segera. Masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis ini banyak mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, didapati ramai murid B40, terutamanya murid B40 kaum Cina dan India tidak memahami apa yang dibaca berdasarkan Ujian Membaca (Pemahaman) yang diberikan kepada mereka. Pemahaman mereka berada pada tahap sangat terhad dan terhad sehingga menyebabkan mereka tidak dapat menjawab Ujian Membaca (Pemahaman) Bahasa Melayu dengan baik. Dapatan ini selari dengan kajian Abdul Rasid (2011) yang mendapati murid menghadapi masalah kemahiran membaca. Murid gagal memahami maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca tersebut. Malahan, murid juga gagal memahami maksud ayat dalam petikan atau teks yang dibaca.

Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2016) menyokong dapatan kajian ini. Kajian Chew Fong Peng mendapati murid etnik Cina lemah dalam kemahiran membaca dan juga menulis. Demikian juga kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad (2018) yang mendapati murid India mengalami kesukaran dan kekeliruan mempelajari Bahasa Melayu sehingga mereka sukar untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Hal ini ada kebenarannya di mana kebanyakan murid sekolah rendah dan sekolah menengah terdiri daripada murid-murid B40 (Mohd Nazri (2014).

Kenyataan Mohd Nazri (2014) ini selari dengan dapatan kajian ini kerana kebanyakan murid yang tidak tahu membaca atau kurang fasih atau lancar membaca datangnya daripada keluarga B40. Murid-murid B40 ini tidak mendapat pendidikan yang berkualiti lantaran pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor kemiskinan dan faktor kewangan ibu bapa murid B40. Ibu bapa murid B40 ini rata-rata mereka berpendapatan rendah. Ibu bapa murid B40 ini tidak dapat membantu anak-anak mereka dalam menguasai kemahiran membaca dengan baik (Zarinah et al. 2018). Hal ini menyebabkan ibu bapa murid B40 tidak kira kaum tidak dapat menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka seperti membeli bahan-bahan pembelajaran, menghantar anak ke kelas tuisyen dan sebagainya. Kajian Tamam

(2011) mendapati ibu bapa kurang berusaha untuk membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca. Perkara ini turut berlaku kepada ibu bapa murid B40 ini. Ibu bapa murid B40 lebih sibuk mencari rezeki dan menyerahkan urusan mendidik anak-anak mereka kepada guru dan pihak sekolah.

Selain faktor kewangan dan kemiskinan ibu bapa, kegagalan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini juga berpunca daripada sikap murid B40 itu sendiri. Sikap murid B40 tidak kira Melayu, Cina dan India yang malas hendak belajar, tidak fokus ketika belajar dan sebagainya adalah antara punca menyebabkan murid-murid B40 masih lemah dan gagal menguasai kemahiran membaca dengan baik. Menurut Tamam (2011), masalah murid lemah menguasai kemahiran membaca antara lain disebabkan oleh faktor murid itu sendiri. Murid juga tidak bersungguh-sungguh untuk membaca. Murid yang tidak suka membaca menyebabkan mereka lambat untuk menguasai kemahiran membaca. Kajian Sabar (2007) mendapati murid-murid bukan Melayu tidak mempunyai tabiat membaca dan kurang memuaskan kemahiran membaca. Dapatan Tamam (2011), Sabar (2007), Rohaida et al. (2020) ini selari dengan dapatan kajian ini yang mendapati murid B40 kaum Cina tidak suka membaca.

Dalam kajian yang dijalankan KPM (2016b) mendapati dua pertiga murid B40 berpencapaian rendah dalam akademik. Faktor sikap, motivasi dan tingkah laku murid B40 banyak mempengaruhi pencapaian mereka termasuk dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian KPM ini selari dengan kajian ini, iaitu kesemua murid B40 yang dikaji ialah murid yang berpencapaian rendah. Mereka bukan sahaja lemah dalam kemahiran membaca, tetapi mereka juga tidak mempunyai budaya belajar. Motivasi belajar mereka rendah. Tingkah laku mereka di dalam kelas juga kurang memuaskan. Mereka bukan sahaja kurang ajar dengan guru Bahasa Melayu dan guru-guru lain yang mengajarnya, tetapi juga malas belajar dan membuat bising di dalam bilik darjah. Hal ini berbeza dengan murid B40 kaum Melayu dan India yang berminat untuk belajar walaupun mereka tidak tahu atau kurang lancar kemahiran membaca. Dapatan ini selari dengan kajian Rohaida et al. (2020), iaitu guru-guru Bahasa Melayu menghadapi masalah dalam mengajar murid-murid B40 seperti yang dibincangkan ini.

Selain itu, kajian ini juga mendapati murid-murid B40 lebih banyak bergantung kepada guru Bahasa Melayu. Misalnya, mereka tidak suka guru memberikan banyak latihan di dalam kelas atau latihan kerja rumah. Mereka lebih suka guru Bahasa Melayu yang tidak memberikan latihan sekolah atau latihan kerja rumah. Sikap seperti ini menyebabkan mereka lemah dalam pembelajaran, termasuk tidak menguasai kemahiran membaca. Menurut Sabar (2007), murid yang lemah pencapaian, terutamanya murid bukan Melayu tidak mempunyai tabiat membaca yang baik. Mereka tidak suka membaca dan seterusnya menjelaskan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, didapati murid-murid B40 ini tidak suka membaca dan lebih banyak bergantung kepada guru untuk belajar Bahasa Melayu. Hal ini ditegaskan juga dalam kajian Rohaida et al. (2020) terhadap murid B40 daripada kaca mata guru Bahasa Melayu. Menurut guru Bahasa Melayu yang ditemu bual, murid-murid B40 ini lebih mengharapkan guru mereka menerangkan apa yang terdapat dalam teks bacaan. Jika murid B40 membaca, mereka tidak faham apa yang dibaca.

Dalam kajian ini juga didapati ibu bapa murid B40 tidak membantu pihak sekolah dan guru Bahasa Melayu dalam membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca. Ibu bapa murid B40 lebih banyak menyerahkan urusan pembelajaran anak-anak mereka kepada guru Bahasa Melayu dan pihak sekolah. Dapatan ini bersamaan dengan kajian Rohaida et al. (2020) yang melaporkan bahawa ibu bapa murid B40, terutamanya ibu bapa murid Cina tidak menggalakkan anak-anak mereka bertutur Bahasa Melayu, tidak membeli bahan bacaan Bahasa Melayu dan menganggap Bahasa Melayu tidak penting untuk dikuasai. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Tamam (2011) yang mendapati ibu bapa kurang berusaha untuk membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca. Kajian Zarinah et al. (2018) pula mendapati kebanyakan ibu bapa B40 menghadapi tekanan dalam kehidupan sehingga mereka mengabaikan pendidikan anak-anak mereka. Dalam kajian ini jelas menunjukkan ibu bapa murid-murid B40 tidak ada usaha untuk membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca. Namun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Zulkifli et al. (2011). Zulkifli et al telah menjalankan kajian dalam kalangan ibu bapa miskin di Selangor. Hasil kajian mereka mendapati walaupun ibu bapa miskin, tetapi ibu bapa bapa memberi sokongan dan penglibatan dalam membantu anak-anak mereka dalam pembelajaran. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak banyak membantu anak-anak mereka dalam pelajaran walaupun ibu bapa daripada keluarga miskin.

Kesimpulannya, murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India yang menjadi peserta kajian ini merupakan murid-murid yang tidak tahu atau kurang lancar membaca. Berdasarkan Ujian Membaca (Pemahaman) yang dibuat, skala pembacaan kebanyakan mereka adalah sangat terhad dan terhad.

Hanya seorang dua sahaja yang mempunyai tahap membaca memuaskan, dan mereka merupakan murid B40 kaum Melayu. Murid-murid B40 kaum Cina dan India ini rata-rata masih tidak tahu atau kurang lancar membaca. Sikap mengambil mudah, tidak berminat belajar dan tidak mempunyai budaya belajar (KPM 2016) menyebabkan murid-murid B40 masih rendah pencapaian Bahasa Melayu.

### **Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Murid B40 Kaum Melayu, Cina dan India**

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai oleh murid, terutamanya dalam kalangan murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. Murid B40 kaum Cina dan India yang menjadi peserta kajian ini ialah mereka yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kebanyakan murid B40 Cina dan India ini lemah penguasaan kemahiran menulis mereka. Hal ini dikatakan begitu kerana kemahiran menulis melibatkan proses yang kompleks dan memerlukan tahap penguasaan yang sistematik (Che Zanariah dan Fadzilah 2011). Bukan itu sahaja, kemahiran menulis amat sinonim dengan kebolehan murid menulis perkataan atau ayat yang gramatis, di samping mematuhi hukum-hukum tatabahasa. Kenyataan ini selari dengan pendapat Zamri (2014), aktiviti menulis mempunyai hubungan yang erat dengan kemahiran bertutur dan membaca. Sebagai akibatnya, sesuatu yang diungkapkan secara lisan dan dibaca tidak dapat dipindahkan dalam bentuk penulisan sekiranya murid itu tidak menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Dalam kajian ini, hampir 81 peratus atau 13 orang murid B40 tidak dapat menulis atau sangat terhad kemahiran menulis Bahasa Melayu. Melalui Ujian Bertulis yang dijalankan, murid-murid B40 ini mempunyai tahap kemahiran menulis mereka sangat terhad dan terhad. Kebanyakan mereka ialah murid B40 Cina dan murid B40 India yang menghadapi masalah dalam menulis Bahasa Melayu. Dapatan kajian pengkaji ini selari dengan kajian Norsimah et al. (2012) yang mendapati kebanyakan murid bukan Melayu mempunyai tahap sederhana dalam penulisan Bahasa Melayu. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian Rohaida et al. (2020) yang menyatakan bahawa murid-murid B40 yang mereka mengajar lemah dalam kemahiran menulis. Murid-murid B40 tidak tahu apa yang ditulis walaupun mereka memahami teks yang dibaca.

Selain itu, masalah tidak menguasai kemahiran menulis murid-murid B40 ini dapat ditingkatkan sekiranya ibu bapa memainkan peranan membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran menulis. Ibu bapa B40 sepatutnya membantu guru Bahasa Melayu dan pihak sekolah mengatasi masalah menulis murid-murid B40 yang tidak tahu atau kurang mahir menulis. Dapatan kajian ini menunjukkan ibu bapa murid-murid B40 kurang usaha untuk mewujudkan persekitaran bagi membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran menulis. Hal ini amat ketara terjadi kepada ibu bapa murid B40 kaum Cina. Ibu bapa murid B40 kaum Cina tidak banyak mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu di rumah. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu anak-anak mereka. Namun demikian, ibu bapa murid B40 kaum Melayu dan India banyak memberi sokongan terhadap aktiviti yang pihak sekolah jalankan bagi membantu anak-anak menguasai kemahiran menulis. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kanammah et al (2013) yang mendapati pengaruh keluarga, terutamanya ibu bapa banyak mempengaruhi kaedah pembelajaran anak-anak mereka. Sokongan dan penglibatan ibu bapa penting untuk membantu anak-anak mereka menguasai sesuatu mata pelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka (Rohaida et al. 2020).

Selain itu, murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini masih lemah keyakinan mereka untuk menggunakan Bahasa Melayu di sekolah. Keyakinan ini boleh diukur dari segi tahap menulis serta tahap penglibatan dalam aktiviti bahasa yang disertai oleh murid B40 yang tahap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu murid-murid B40 berada pada tahap sederhana dan lemah. Kebanyakan murid B40 tidak terlibat dalam setiap aktiviti bahasa diadakan oleh pihak sekolah. Murid-murid B40 ini kurang terlibat secara menyeluruh dalam setiap aktiviti bahasa yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Justeru, penglibatan dalam pembangunan kendiri dan pembelajaran Bahasa Melayu oleh murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India adalah disebabkan oleh sikap mereka yang kurang membaca bahan bacaan Bahasa Melayu, menonton siaran televisyen mengikut bahasa ibunda masing-masing, menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai medium perantaraan di media sosial. Dapatan kajian ini selari dengan kajian KPM (2011) juga menyokong dapatan pengkaji yang menunjukkan bahawa faktor kewangan ibu bapa telah menyebabkan ibu bapa tidak dapat menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak mereka. Akibatnya, anak-anak mereka tercicir dalam pelajaran atau rendah pencapaian akademik mereka, termasuklah dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Zulkifli et al. (2011) yang mendapati kebanyakan ibu bapa miskin yang terdiri daripada keluarga B40 banyak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka.

Kesimpulannya, kelemahan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India dalam menguasai kemahiran menulis bukan sahaja disebabkan faktor kemiskinan, tetapi juga disebabkan faktor-faktor lain seperti pengaruh persekitaran, pengaruh rakan sebaya, kaedah pengajaran guru, dan sebagainya. Hal ini sesuai dengan kenyataan Tamam (2011) yang menyatakan bahawa masalah membaca dan menulis murid-murid sekolah rendah antara lain disebabkan oleh enam faktor berikut, iaitu faktor murid itu sendiri, psikologi murid, kaedah pengajaran guru, persekitaran, masa pengajaran dan buku teks bacaan yang digunakan.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian tentang masalah membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid B40 kurang dikaji. Kebanyakan masalah kemahiran membaca dan menulis lebih bersifat umum, iaitu kepada murid sekolah rendah, murid sekolah menengah, murid bukan Melayu dan murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Justeru, kajian ini memberikan implikasi kepada empat pihak berikut dalam memastikan murid-murid B40 yang tidak tahu dan lemah kemahiran membaca dan menulis pada akhirnya dapat membaca dan menulis dengan baik, lancar dan berkesan.

1. Guru Bahasa Melayu adalah antara mereka yang rapat dengan murid-murid B40 yang tidak tahu dan kurang lancar membaca dan menulis. Sebagai seorang guru, sudah tentu mereka tahu bagaimana kaedah dan pendekatan yang sesuai dan berkesan untuk mengatasi masalah membaca dan menulis dalam kalangan murid B40. Kaedah dan pendekatan pengajaran guru Bahasa Melayu perlu dipelbagaikan. Oleh kerana murid-murid B40 ini baharu tingkatan 1, mereka masih boleh dibantu untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis, terutamanya yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
2. Panitia Bahasa Melayu perlu mengenal pasti kumpulan murid yang masih belum menguasai kemahiran membaca dan menulis, terutamanya murid-murid B40. Antara yang boleh dilaksanakan oleh Panitia ialah membuat Ujian Diagnostik dan Ujian Intervensi bagi kemahiran membaca dan menulis perlu dijalankan bagi murid-murid yang mendapat gred yang rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Hal ini adalah untuk melihat tahap penguasaan murid-murid tersebut.
3. Murid Bukan Melayu dan Murid B40: Cabaran utama guru-guru yang mengajar murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam kalangan B40 ini ialah komunikasi murid bukan Melayu sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah. Murid-murid tidak berkomunikasi dalam Bahasa Melayu standard atau lebih mengamalkan komunikasi dalam bahasa pasar yang sama sekali tidak mementingkan aspek tatabahasa dan penggunaan bahasa Melayu dengan betul. Murid bukan Melayu akan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu hanya pada waktu mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja. Itu pun apabila guru berosal jawab dengan murid. Pada waktu yang lain sudah tentu mereka berkomunikasi dalam bahasa ibunda masing-masing. Hal ini mengakibatkan jurang penggunaan Bahasa Melayu di sekolah semakin jauh dan tidak memberi kesan kepada murid dalam usaha memantapkan penguasaan bahasa murid. Justeru, murid bukan Melayu, khususnya daripada keluarga B40 seharusnya sedar dan sentiasa mencuba berkomunikasi dalam bahasa Melayu dalam apa juar situasi di sekolah supaya penguasaan murid akan menjadi lebih baik.
4. Pentadbir Sekolah; Peranan pentadbir: Apabila membincangkan perkara berkaitan intervensi bagi kemahiran membaca dan menulis ini pihak sekolah khususnya pentadbir perlu memainkan peranan yang sepatutnya bagi menyokong usaha ini. Misalnya, menyediakan jadual waktu anjal kepada murid-murid dan guru yang terlibat agar kelas intervensi yang dijalankan adalah lebih teratur. Selain itu, peranan pentadbir untuk melibatkan lebih ramai guru bagi membantu murid-murid yang mempunyai membaca dan menulis ini seperti memberi surat arahan kepada guru-guru supaya guru mata pelajaran tidak terbeban untuk mengadakan kelas intervensi dan guru-

guru boleh mengajar membaca menulis secara bergilir-gilir. Seterusnya, pentadbir perlu membantu untuk mendapatkan dana bagi kelas intervensi ini. Dana tersebut adalah kegunaan untuk menyediakan bahan bacaan, untuk membeli cenderahati untuk murid-murid yang menunjukkan prestasi yang sebagai ganjaran motivasi.

5. Ibu Bapa Murid B40: Ibu bapa murid juga seharusnya sedar dan menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka. Sikap mengambil peduli terhadap perkembangan pendidikan anak-anak mereka patut diterjemahkan dalam setiap perkara terutamanya sentiasa menghubungi pihak sekolah untuk mengesan keupayaan anak mereka. Sikap ketidakpedulian ibu bapa terhadap perkembangan pembelajaran anak mereka, akan menyebabkan anak mereka jauh ketinggalan berbanding murid lain dan seterusnya akan mempengaruhi ibu bapa yang lain. Ibu bapa boleh memberi sokongan terhadap pembelajaran anak-anak mereka dengan mengawasi pergaularan anak, memantau kerja sekolah, menghadiri sebarang aktiviti sekolah, menghadiri sesi perjumpaan ibu bapa dan sebagainya. Komitmen yang tinggi terhadap perkembangan pembelajaran anak-anak akan mendorong gaya pembelajaran murid dan seterusnya dapat mengubah penguasaan bahasa murid.
6. Pejabat Pendidikan Daerah: Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) merupakan unit yang paling hampir dengan pihak sekolah bagi membantu sekolah menangani masalah murid-murid B40 yang mempunyai masalah membaca dan menulis. PPD di bawah Sektor Pembelajaran memang mempunyai kepakaran pegawai yang bertugas khusus untuk menguruskan aspek pemulihan bagi Bahasa Melayu khususnya. Sektor Pembelajaran di PPD bertindak berdasarkan data. Justeru, pihak sekolah sepatutnya melaporkan data yang sahih tentang tahap penguasaan murid masing-masing agar PPD boleh membuat tindak susul. Selain Pegawai Pemulihan, SISC+ juga bertanggungjawab untuk membimbing guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas murid B40 yang tidak menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis melalui perkongsian strategi pembelajaran, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dengan tahap kecerdasan murid.
7. Kementerian Pendidikan Malaysia: Masalah keciciran, masalah tidak tahu membaca dan menulis, masalah pencapaian yang rendah murid-murid daripada keluarga B40, pencapaian murid sekolah luar bandar dan lain-lain seharusnya dipikul bersama oleh semua pihak. Masalah ini tidak boleh dipikul di bahu para guru dan pentadbiran sekolah sahaja, tetapi juga pihak kepentingan yang lain seperti KPM. Antara langkah yang boleh diambil oleh KPM adalah seperti: (i) membenarkan pihak sekolah menengah yang mempunyai ramai murid yang tidak tahu membaca dan menulis mengadakan program LINUS. Pihak sekolah menengah yang mempunyai bilangan murid yang menghadapi masalah kemahiran membaca dan menulis ini boleh menyediakan guru-guru pemulihan khusus bagi mengajar kemahiran membaca dan menulis bagi murid-murid yang keciciran ini, (ii) membangunkan Dashboard Pemulihan seperti Dashboard Kehadiran, Disiplin , DELIMA dan lain-lain sebagai alat pemantauan setiap bulan, dan (iii) perkasan Dialog Perstasi (DP) Pemulihan sebagaimana rancaknya DP untuk PBD, SPM dan lain-lain

## KESIMPULAN

Murid-murid yang mempunyai masalah kemahiran membaca dan menulis ini sering meresahkan guru-guru terutamanya guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini kerana murid-murid tersebut sering gagal dalam mata pelajaran lain juga adalah disebabkan mereka gagal menguasai kemahiran membaca. Kegagalan dalam peperiksaan ini banyak dipengaruhi oleh kesukaran murid-murid untuk memahami isi kandungan pelajaran yang dipelajari disebabkan oleh kegagalan mereka membaca dan menulis dengan baik. Selain itu, kegagalan murid-murid ini bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyebabkan mereka tidak layak mendapat sijil. Hal ini menyebabkan peratus murid layak mendapat SPM akan merosot. Tambahan pula murid-murid daripada golongan B40 ini rata-ratanya tidak mampu untuk mendapatkan kelas tuisyen tambahan selepas waktu persekolahan disebabkan masalah kewangan.

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, UKM yang memberikan **Dana Penyelidikan Fpend** dengan kod penyelidikan: **GG-2020-083** sehingga artikel ini berjaya diterbitkan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2 - 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Rasid Jamian. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan kemahiran membaca murid-murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Ary. D., Jacobs, L.C., Sorenson, C. & Razavieh, A. (2006). *Introduction to Research in Education*. Belmont: Wadsworth.
- Celinea anak Lasan & Zamri Mahamod. (2018). *Amalan Membaca Timbal Balik Murid Etnik Bidayuh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Celinea anak Lasan. (2018). Amalan pembelajaran reciprocal (timbal balik) dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 10-22.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2<sup>nd</sup> Edition. New Jersey: Pearson Education.
- Heilbronn, R. (2004). Using research and evidence to inform your teaching. Dlm. Capel, S., Helibronn, R., Leask, M & Turner, T. (Eds.). *Starting to Teach in the Secondary School*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Pendapatan Garis Kemiskinan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Kammaah a/p Manukaram, Melissan Ng Lee Yen Abdullah & Shahizan Hassan. (2013). Pengaruh faktor keluarga terhadap pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah rendah. *Malaysia Journal of Learning and Instruction*, 10(9), 179-201.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Kajian Perbandingan Pencapaian Akademik Pelajar Lelaki dan Perempuan Sekolah Menengah..* Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016b). *Kajian Murid Lemah Pencapaian Akademik*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Darjah 1 hingga 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (2006). *Designing Qualitative Research. 4<sup>th</sup> Edition*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Josey-Bass Publisher.
- Mohamad Johdi Salleh, Masliza Kamin, Loven, L.L., Henry, J.F., & Moini Rubin. (2012). Kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. *International Conference on Educational Research*, 5-7 Julai, Labuan.
- Mohd Fuad Abd. Rahman. (2018). Aplikasi, sikap dan masalah guru dan murid di SJK Tamil terhadap pembelajaran dan pemudacaraan Bahasa Melayu berkonsepkan *flipped classroom*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazri Abdul Rahman. (2014). Pembangunan model home schooling berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli. *Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nor Hamizah Abd. Rahman. (2016). Faktor demografi dan sosioekonomi kumpulan B40 dalam pemilikan takaful keluarga/insuran hayat. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics and Banking 2016* (2ndICEB) pada 24-25 Mei.
- Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 227-240.
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dna menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54-73.
- Sabar Hj. Mohd. (2007). Tabait membaca dalam kalangan murid sekolah luar bandar. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang Tidak Diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 89-107.
- Tamam Timbang. (2011). Kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam: Satu kajian kualitatif. *Tesis Sarjana Pendidikan yang Tidak Diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Usang anak Ngrambang (2012). Implikasi kepimpinan pengajaran pengetua, kepuasan kerja dan pengajaran berkesan guru terhadap prestasi peperiksaan pelajar sekolah menengah luar bandar di Sarawak. *Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Malaysia Sabah.

Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis pembelajaran berasaskan Projek Nilam dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-29.

Yin. R.K. (2012). *Applications of Case Study Research. 3th Edition*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.

Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Ketiga*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahaman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai & Zanariah Ismail. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(1), 91-102.

Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.

## LAMPIRAN A

### Instrumen Mengukur Kemahiran Membaca Murid B40 (Ujian Membaca)

#### REMAJA DAN KEBERSIHAN DIRI

Kebersihan dan penjagaan diri sangat penting kepada semua orang, khususnya golongan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa proses akil baligh, kulit remaja yang aktif akan mengeluarkan peluh yang berlebihan sehingga mengakibatkan liang folikel tersumbat. Apabila hal ini berlaku, kulit remaja yang sensitif akan mudah berjerawat. Oleh itu, remaja perlulah menitikberatkan aspek kebersihan diri, terutamanya penjagaan muka.

Remaja hendaklah mencuci muka dengan kerapnya bagi memastikan wajah sentiasa bersih. Amalan ini bertujuan untuk menghilangkan minyak dan habuk yang terampai pada pori-pori kulit muka. Remaja perlu bijak memilih produk penjagaan muka yang sesuai supaya tidak mengalami gejala alergi dan kerengsaan.

Pemilihan barang penjagaan diri yang sesuai juga penting bagi menjamin kebersihan dan penampilan diri yang sempurna. Sesetengah remaja menggunakan penyental dan pelembap muka untuk mendapatkan wajah yang bersih dan berseri. Kaedah ini juga dapat membaharui sel-sel kulit mati.



Selain itu, pengeluaran peluh yang berlebihan dan perubahan hormon dalam diri remaja juga menyebabkan masalah bau badan. Oleh hal yang demikian, remaja mestilah bijak memilih pewangi badan dan produk antipeluh yang sesuai. Remaja juga perlu menitikberatkan penjagaan mulut dan tatarias diri. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri remaja dan disenangi oleh rakan-rakan. Amalan menjaga kebersihan diri mestilah dilaksanakan setiap masa supaya kita terhindar daripada sebarang penyakit.



Sebagai golongan yang diharapkan untuk mencapai aspirasi negara, remaja bukan sahaja perlu berpendidikan dan berkeperibadian tinggi, bahkan perlu juga sentiasa bersih, rapi dan berketerampilan.

- i. Apakah yang harus dilakukan oleh remaja bagi memastikan wajah sentiasa bersih?

---

---

- ii. Nyatakan barang penjagaan diri yang boleh digunakan oleh remaja bagi mendapatkan wajah yang bersih dan berseri.

---

---

- iii. Masalah bau badan sering berlaku dalam kalangan remaja disebabkan oleh pengeluaran peluh yang berlebihan dan perubahan hormon . Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah tersebut ?

---

---

## LAMPIRAN B

### Instrumen Mengukur Kemahiran Menulis Murid B40 (Ujian Menulis)

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.



---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---